

## **Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Platform Media Sosial**

Noor Afzaliza Nazira Ibrahim, Mohamad Hafifi Jamri, Nur Shazana Abdul Rani, \*Khairi  
Khairuddin

*Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM),  
Cawangan Melaka*

*Email Penulis Koresponden: khairi.k@uitm.edu.my*

### **ABSTRAK**

Perkembangan teknologi komunikasi dan media membolehkan kemunculan pelbagai platform bagi penggunaan untuk pelbagai tujuan seperti berkomunikasi, membeli belah serta tempahan atas talian untuk pelancongan. Aspek pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu daripada komponen yang turut menggunakan platform media dan komunikasi sebagai alat bantu dalam penyampaian maklumat kepada khalayak sasaran yang secara amnya terdiri daripada para pelajar di institusi pendidikan. Kajian preliminari ini bermatlamatkan untuk meneliti penggunaan, keberkesanan serta penerimaan platform media sosial seperti TikTok, Instagram, Facebook, Twitter dan YouTube sebagai medium pengajaran dan pembelajaran (PdP) oleh tenaga pengajar di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Melaka berbanding kaedah PdP secara bersemuka. Sejumlah 237 orang responden yang terdiri daripada pelajar dalam empat program di Fakulti ini direkrut melalui penggunaan kaedah pensampelan mudah. Dapatan utama kajian menunjukkan bahawa platform ini sememangnya menjadi ruang berguna dalam pembelajaran melalui bahan berkaitan di samping mekanisme visual yang menjadi tarikan kepada pengguna medium ini. Secara keseluruhannya, inovasi PdP melalui penggunaan platform media sosial mempunyai keberkesanan dan penerimaan yang tinggi dalam kalangan responden. Kajian ini ternyata memberikan sumbangan signifikan dalam aspek bidang pengetahuan komunikasi dan pendidikan di mana turut membantu dalam kebolehcapaian salah satu Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) iaitu pendidikan berkualiti.

Kata kunci: Pengajaran, Pembelajaran, Media Sosial, Komunikasi, Malaysia.

## Teaching and Learning Innovation Through Social Media Platforms

### ABSTRACT

The development of communication technology and media has enabled the emergence of various platforms for multiple purposes such as communication, shopping, and online bookings for tourism. The aspect of teaching and learning is one of the components that also utilizes media and communication platforms as tools to deliver information to the target audience, generally consisting of students in educational institutions. This preliminary study aims to examine the usage, effectiveness, and acceptance of social media platforms like TikTok, Instagram, Facebook, Twitter, and YouTube as teaching and learning (T&L) mediums by the instructors at the Faculty of Communication and Media Studies (FKPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Melaka Branch compared to face-to-face T&L methods. A total of 237 respondents, consisting of students from four programs at the Faculty, were recruited using the convenience sampling method. The main findings of the study indicate that this platform indeed serves as a useful space for learning through related materials, in addition to the visual mechanisms that attract users to this medium. Overall, the innovation in T&L through the use of social media platforms has high effectiveness and acceptance among the respondents. This study significantly contributes to the field of communication and education knowledge and helps in achieving one of the Sustainable Development Goals, which is quality education.

Keywords: Teaching, Learning, Social Media, Communication, Malaysia.

### PENGENALAN

Dalam era teknologi komunikasi dan digital yang semakin pesat dan hebat berkembang pada hari ini, perhubungan teknologi dan pendidikan adalah suatu hal yang tidak dapat dielakkan lagi (Bui et al., 2023). Penggunaan teknologi yang bersesuaian dirujuk sebagai berpotensi dalam membantu mempermudah aktiviti pembelajaran untuk dipraktikkan secara lebih berkesan di samping berkeupayaan dalam pelaksanaan inovasi dalam praktis sedia ada (Purvis et al., 2020). Pendekatan penggunaan kaedah e-pembelajaran dirujuk sebagai masih baharu dalam Pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Malaysia (Peng & Meredan, 2023). Kaedah ini ditafsirkan sebagai pembelajaran yang berlangsung dalam keadaan yang pelbagai melalui platform media walau di mana sahaja tenaga pengajar dan pelajar berada (Abdullah & Zin, 2021). Kepelbagaian aplikasi dan teknologi komunikasi atas talian yang didedahkan kepada para pelajar memiliki pelbagai manfaat dalam mempermudah sesi PdP yang bakal berlangsung (Nasir & Mansor, 2021). Perkara inilah yang dirujuk sebagai satu pendidikan bersepadu di mana proses pendidikan dipelbagaikan.

Secara amnya, perbincangan berkaitan penggunaan alat bantu mengajar yang menarik dalam mewujudkan keseronokan dalam pembelajaran telah lebih sedekad diperkatakan dalam penulisan penyelidikan yang dijalankan sebelumnya oleh para sarjana (Jamian & Ismail, 2013). Pandemik Covid-19 yang melanda dunia termasuk di negara Malaysia telah memberikan implikasi besar ke atas permasalahan PdP oleh tenaga pengajar kepada para pelajar di seluruh

lapisan institusi pendidikan termasuklah di peringkat rendah, menengah serta pengajian tinggi sehingga mengubah kaedah ini secara keseluruhannya akibat keperluan mendesak. Penggunaan platform atas talian sebagai alternatif utama bagi meneruskan PdP telah menjadi suatu keperluan penting (Razak, 2020). Antara contoh platform yang digunakan adalah Zoom, Microsoft Team, Skype, Google Meet, WhatsApp, Telegram, Instagram, YouTube serta Kahoot yang dirujuk membolehkan sesi PdP dapat dijalankan bersama golongan pelajar secara maksimum (Ngadi, 2024). Sekiranya sebelum ini kaedah pembelajaran melalui platform atas talian dilihat sebagai agak janggal sehingga menjadi suatu kejutan budaya, tetapi pada hari ini ia telah menjadi sebahagian daripada sejarah sistem pendidikan di negara ini (Asrul, 2023) bahkan telah menjadi suatu perkara yang menyeronokkan kini (Ahmad, 2024). Situasi ini menjadi simbolik bahawa kaedah PdP secara atas talian jelas memiliki kelebihan tersendiri dalam konteks akses prosesnya yang mudah dari segi lokasi dan masa (Manfredo, 2023).

Dari segi keberkesanan PdP, semestinya ia berkait rapat dengan proses komunikasi. Hal ini demikian kerana keberkesanan komunikasi tidak terhad bergantung kepada kandungan mesej yang bakal disampaikan, tetapi memerlukan penumpuan dan perhatian terhadap keseluruhan proses. Perkara ini termasuklah dari segi pemilihan platform bagi tujuan penyampaian mesej kepada para pelajar. Kajian ini akan memberikan penumpuan ke atas platform media sosial sebagai medium yang bakal diselidiki dari segi penggunaan, keberkesanan serta penerimaannya oleh golongan pelajar. Perkara ini bertitik tolak daripada perspektif yang wujud bahawa media sosial dilihat sebagai mencabar kepercayaan tradisional berkaitan pendidikan dan pedagogi di peringkat institusi pendidikan seperti universiti dan sekolah (Perez et al., 2023). Hal ini perlu diteliti bagi menilai sama ada platform ini sebenarnya merupakan suatu cabaran atau merupakan suatu alternatif berkesan sebagai alat bantu dalam mempelbagaikan lagi teknik PdP di peringkat institusi pendidikan.

Media sosial telah menjadi satu alat penting bagi golongan pelajar dalam komunikasi serta perkongsian informasi (Sivakumar & Shaik, 2023). Ia membolehkan golongan pelajar untuk berdaya kreatif melalui penciptaan, reka bentuk, perkongsian idea dan karya melalui bentuk audio, video dan teks (Ansari & Khan, 2020). Kajian lepas menunjukkan bahawa platform YouTube dikenalpasti sebagai salah satu daripada jenis media sosial yang penting dalam sistem pendidikan di mana ia menawarkan ruang serta peluang yang bersifat dinamik dalam hal ehwal PdP yang bukan tradisional (Khan et al., 2023). Ansari dan Khan (2020) dalam kajian yang dijalankan merujuk bahawa di samping kelebihan media sosial dan peranti mudah alih dalam konteks faedah akses ke atas klip video, kandungan kursus, pemindahan nota pengajaran serta lain-lain lagi, golongan pelajar secara keseluruhannya turut merasakan bahawa medium ini sebagai alat yang mudah dan murah bagi memperolehi informasi yang relevan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Untuk menentukan platform media sosial yang digunakan dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

2. Untuk menilai keberkesanan media sosial sebagai platform Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

3. Untuk menilai penerimaan media sosial sebagai platform Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif tinjauan borang soal selidik dalam perolehan data kajian. Penyelidikan kuantitatif merupakan suatu kaedah kajian sistematik bagi sesuatu topik menerusi kutipan dan perolehan data yang boleh diukur melalui penggunaan kaedah statistik dalam usaha menambahkan ilmu pengetahuan dalam sesuatu bidang (Kittur, 2023). Dari segi tinjauan borang soal selidik, ia merupakan satu senarai soalan yang akan dijawab oleh orang ramai bagi membolehkan satu laporan dapat direka bentuk hasil daripada tinjauan yang dijalankan (Sharma, 2022). Dalam konteks kajian ini, sejumlah 237 orang responden yang terdiri daripada pelajar dalam empat program di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Melaka telah direkrut melalui penggunaan kaedah pensampelan mudah. Pensampelan ini dipilih berdasarkan kelebihan yang mudah dari segi pengumpulan data di samping kos serta masa yang boleh dijimatkan (Stratton, 2021).

Instrumen borang soal selidik bagi kajian ini mempunyai empat bahagian yang perlu dijawab oleh responden iaitu Bahagian A Demografi, Bahagian B Penggunaan Platform Media Sosial Sebagai Medium Pengajaran dan Pembelajaran, Bahagian C Keberkesanan Platform Media Sosial Sebagai Medium Pengajaran dan Pembelajaran serta Bahagian D Penerimaan Platform Media Sosial Sebagai Medium Pengajaran dan Pembelajaran. Ia dibangunkan berdasarkan kepada adaptasi instrumen dalam kajian-kajian lepas seperti kajian oleh Khan et al. (2023). Pembangunan instrumen borang soal selidik adalah dijalankan melalui platform Google Form bagi membolehkan pengedarannya secara atas talian. Perisian statistik SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) digunakan dalam menganalisis data kajian yang diperolehi. Data kajian dianalisis menggunakan teknik analisis deskriptif.

### **DAPATAN KAJIAN**

Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa majoriti responden adalah terdiri daripada mereka yang berumur 18 tahun hingga 20 tahun iaitu sebanyak 62.4 peratus dengan majoritinya adalah kaum Melayu iaitu sebanyak 97 peratus. Dari segi kategori program, majoriti responden adalah merupakan pelajar dari Program Diploma MC110I iaitu sebanyak 40.5 peratus, diikuti pelajar dari Program Ijazah Sarjana Muda MC242 iaitu sebanyak 36.3 peratus, Program Diploma MC111 iaitu sebanyak 13.5 peratus dan Program Diploma MC112 iaitu sebanyak 9.7 peratus.

Dari segi penggunaan media sosial, majoriti responden menyatakan pengakuan bahawa mereka pernah menggunakan platform ini iaitu sebanyak 95.4 peratus. Platform TikTok dikenalpasti sebagai media sosial paling tinggi dari segi pilihan penggunaan oleh responden iaitu sebanyak 48.9 peratus diikuti oleh media sosial Instagram sebagai kedua tertinggi iaitu sebanyak 32.5 peratus. Tempoh masa 4 jam hingga 6 jam dikenalpasti sebagai pilihan tertinggi

oleh responden dalam konteks masa yang diambil untuk melayari platform media sosial. Dari segi penggunaan platform ini bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP), media sosial diakui oleh 95.4 peratus responden sebagai salah satu alat yang digunakan oleh mereka untuk mencari maklumat bagi tujuan tersebut di samping digunakan untuk menghantar tugasan yang diberikan oleh pensyarah iaitu sebanyak 91.1 peratus.

Dari segi keberkesanan penggunaan media sosial sebagai platform pengajaran dan pembelajaran, item 'Media sosial menyediakan ruang kepada pelajar untuk menonton video serta mempelajari bahan berkaitan' memperoleh tahap peratusan persetujuan tertinggi oleh responden iaitu sebanyak 54 peratus diikuti dengan item 'Media sosial menyediakan ruang kepada pelajar untuk menonton video syarahan pensyarah lebih daripada sekali dalam sehari' yang memperoleh tahap peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 53.6 peratus.

Manakala, dari segi penerimaan media sosial sebagai platform pengajaran dan pembelajaran, item 'Saya tertarik dengan visual yang dipaparkan di media sosial' memperoleh tahap peratusan persetujuan tertinggi oleh responden iaitu sebanyak 49.8 peratus diikuti dengan item 'Saya merasakan bahawa video yang dimuatnaik di media sosial berguna kepada saya untuk jangka masa yang panjang' yang memperoleh tahap peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 42.2 peratus.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Secara keseluruhannya, platform media sosial ternyata merupakan alternatif berguna sebagai platform pengajaran dan pembelajaran pada hari ini. Dapatan yang diperolehi dalam kajian preliminari ini menjadi simbolik akan keberkesanan dan penerimaan kaedah ini oleh golongan pelajar dalam sesi PdP yang dijalankan di samping penggunaannya sebagai platform penghantaran tugasan yang ditetapkan dalam kursus-kursus yang diambil. Kajian masa hadapan boleh menggunakan dapatan kajian ini dalam meneroka kebolehgunaan medium ini dalam memanfaatkan sistem pendidikan di negara ini.

## **REFERENCES**

- Perez, E., Manca, S., Fernández-Pascual, R., & Mc Guckin, C. (2023). A systematic review of social media as a teaching and learning tool in higher education: A theoretical grounding perspective. *Education and Information Technologies*, 28(9), 11921-11950.
- Ansari, J. A. N., & Khan, N. A. (2020). Exploring the role of social media in collaborative learning the new domain of learning. *Smart Learning Environments*, 7(1), 9
- Khan, A., Saeed, M., Anwar, M. N., & Kanwal, L. (2023). Unleashing the Potential: A Study of the Effectiveness and Impact of YouTube Educational Content on Student Learning Outcomes. *Journal of Mass Communication & Journalism*, 13(5), 1-9.
- Manfredo, A. (2023). The Effectiveness of Using Social Media in the Learning Process. *International Journal of Multidisciplinary Sciences*, 1(2), 125-131.

- Purvis, A. J., Rodger, H. M., & Beckingham, S. (2020). Experiences and perspectives of social media in learning and teaching in higher education. *International Journal of Educational Research Open*, 1, 100018.
- Bui, H. P., Ulla, M. B., Tarrayo, V. N., & Pham, C. T. (2023). The roles of social media in education: affective, behavioral, and cognitive dimensions. *Frontiers in Psychology*, 14, 1287728.
- Sivakumar, A., Jayasingh, S., & Shaik, S. (2023). Social media influence on students' knowledge sharing and learning: An empirical study. *Education Sciences*, 13(7), 745.
- Ansari, J. A. N., & Khan, N. A. (2020). Exploring the role of social media in collaborative learning the new domain of learning. *Smart Learning Environments*, 7(1), 9.
- Kittur, J. (2023). Conducting Quantitative Research Study: A Step-by-Step Process. *Journal of Engineering Education Transformations*, 36(4), 100-112.
- Sharma, H. (2022). How short or long should be a questionnaire for any research? Researchers dilemma in deciding the appropriate questionnaire length. *Saudi journal of anaesthesia*, 16(1), 65-68.
- Stratton, S. J. (2021). Population research: convenience sampling strategies. *Prehospital and disaster Medicine*, 36(4), 373-374.
- Peng, C. F., & Meredan, B. A. (2023). Penerimaan, Minat Dan Amalan Pelajar Tingkatan 6 Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(1), 1-11
- Jamian, A. R., & Ismail, H. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 49-63
- Razak, M. I. M. (2020, April 9). COVID-19: Pembelajaran atas talian suatu keperluan ke arah menuju Malaysia maju. *Astro Awani Online*. Diperolehi dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pembelajaran-atas-talian-suatu-keperluan-ke-arah-menuju-malaysia-maju-237496>
- Ngadi, D. E. (2024). COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. Portal Universiti Sains Islam Malaysia. Diperolehi dari <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>
- Abdullah, N. H., & Zin, M. B. M. (2021). Kemudahan Pembelajaran Secara Atas Talian Semasa Pandemik Covid-19: Kajian Terhadap Pelajar Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab di KUIS. *Proceeding of 8<sup>th</sup> International Research Management and Innovation Conference (8<sup>th</sup> IRMIC 2021)*

- Asrul, N. S. M. (2023, Januari 4). Pembelajaran dalam talian masih relevan. Berita Harian (Online). Diperolehi dari [https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2023/01/1047412/pembelajaran-dalam-talian-masih-relevan#google\\_vignette](https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2023/01/1047412/pembelajaran-dalam-talian-masih-relevan#google_vignette)
- Ahmad, M. A. (2024, Januari 30). Kini PdP lebih menyeronokkan. myMetro (Online). Diperolehi dari <https://www.hmetro.com.my/rencana/2024/01/1055590/kini-pdp-lebih-menyeronokkan>
- Nasir, N. B. M., & Mansor, M. B. (2021). Cabaran guru dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPR): Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 416-421
- Talib, A. T., Sarjit Gill, Jawan, J., Ahmad, A., & Mohd Isa, N. A. (2012). Gagasan 1Malaysia dan implikasinya Terhadap, Perhubungan Antara Etnik. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 7, 23 – 30.